



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

#### **41 USAHAWAN MUDA KOTA TERIMA TAWARAN RUANG NIAGA DI WP PUTRAJAYA**

Di bawah Inisiatif Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah memperkenalkan pelbagai program serta produk bagi membantu warga Wilayah Persekutuan terutama sekali golongan berpendapatan rendah (B40) yang terkesan teruk akibat pandemik COVID-19 ini. Salah satu daripadanya adalah penyediaan 1,122 ruang perniagaan (kios) di 169 lokasi sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya di bawah Program Usahawan Anak Muda Kota Wilayah Persekutuan. Program yang dibangunkan di bawah Cakna Keusahawanan ini merupakan Inisiatif Pembangunan Ekonomi Post-Covid-19 bagi membantu anak-anak belia kota yang terjejas dan kehilangan punca pendapatan akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara kita pada awal tahun ini.

Buat permulaan sebanyak 96 tapak telah dikenalpasti di Wilayah Persekutuan Putrajaya merangkumi beberapa ruang niaga yang sedia ada, dan ruang niaga yang sedang di dalam perancangan untuk pembinaan di masa yang akan datang. Ia termasuklah ruang niaga di Kompleks Kejiranan Presint 5, 14 dan 18, Dataran Gemilang Presint 4, Laman Duta Presint 14, Kios Medan Selera Baharu Presint 8 dan beberapa ruang niaga (gerai) di Kompleks Kejiranan. Ruangan perniagaan ini akan ditawarkan kepada usahawan belia muda di Putrajaya secara berperingkat bermula November 2020. Penambahan selain daripada 96 tapak ini juga akan dibuat dari masa ke semasa berdasarkan kesesuaian lokasi strategik lain yang akan dikenalpasti.

Sejak diumumkan pada 7 Julai 2020 yang lalu, program ini telah menerima sambutan yang sangat memberangsangkan daripada warga Wilayah Persekutuan terutama sekali daripada golongan belia. Jumlah permohonan yang telah diterima oleh Kementerian Wilayah Persekutuan sehingga Oktober 2020 bagi ruang perniagaan di Putrajaya adalah sebanyak 208 permohonan.

Antara kriteria asas yang telah ditetapkan dalam proses pemilihan ini adalah seperti permohonan yang dihantar adalah lengkap dan alamat kediaman pemohon mestilah di WP Putrajaya atau WP Kuala Lumpur. Keutamaan juga diberikan kepada belia yang berusia 18 hingga 35 tahun dan kepada mereka yang hilang perkerjaan dan aktiviti perniagaan akibat kesan pandemik COVID – 19. Pemohon yang mempunyai pengalaman yang luas bersesuaian dengan premis yang dipohon adalah satu kelebihan. Selain itu, pemohon yang memohon lokasi di Putrajaya mestilah seseorang yang tidak menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan di Putrajaya. Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Usahawan Anak Muda Kota Wilayah Persekutuan yang telah diadakan pada 21 September 2020, jawatankuasa telah memutuskan untuk memberikan tawaran kios kepada 41 usahawan belia Putrajaya bagi mengisi beberapa kekosongan ruang niaga sedia ada iaitu:

1. 3 usahawan belia untuk 3 unit Kios Merah (Presint 2 dan Presint 3);
2. 6 usahawan belia untuk 6 lot *Food* trak Presint 14;
3. 1 usahawan belia untuk 1 lot *Food* trak Presint 11;
4. 30 usahawan belia untuk 30 tapak niaga Presint 14; dan
5. 1 usahawan belia untuk 1 unit Kios Serbaneka 8B (Presint 3)

Kesemua 41 usahawan yang terpilih di Putrajaya ini menerima tawaran kios pada hari ini dan akan memulakan operasi perniagaan mereka. Sebagai inisiatif tambahan, program ini juga menawarkan pengecualian bayaran sewaan sebanyak RM150.00 kepada peserta di Tapak Dataran Niaga Belia Putrajaya bagi tempoh enam (6) bulan yang pertama. Selepas daripada tempoh enam (6) bulan tersebut peniaga hanya perlu membayar RM150.00 sebulan sepanjang tahun pertama. Seterusnya, kadar sewaan RM300.00 akan dikenakan bermula pada tahun kedua perniagaan beroperasi.

Kementerian berharap pelaksanaan program ini dapat melahirkan lebih ramai usahawan muda di lokasi yang strategik sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya di samping memperkasakan usahawan mikro untuk lebih berdaya saing dalam menghadapi norma baharu.

**TAN SRI TPr HJ ANNUAR MUSA**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**20 November 2020**